

10 JAN 2002

MAHATHIR-BERSATU/I

ASIA TIMUR MESTI LEBIH BERSATU, KATA DR MAHATHIR & KOIZUMI

Oleh: Wan Nurzila Abdul Rahman

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Kedua-dua Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Junichiro Koizumi bersetuju bahawa negara-negara Asia Timur perlu lebih bersatu agar rantau ini dapat memainkan peranan dalam aliran utama ekonomi dunia.

Dr Mahathir dan Koizumi, yang mengadakan perbincangan dua hala di sini hari ini, juga merasakan bahawa rantau ini perlu menerima pakai pendekatan baru bagi menghadapi rantau lain memandangkan serangan pegganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas telah secara dramatik mengubah pandangan dunia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang ditemui pemberita selepas mesyuarat tertutup kedua-dua pemimpin itu berkata, Dr Mahathir dan Koizumi juga bersetuju yang negara-negara Asia Timur sepatutnya mengambil iktibar daripada pengaruh kuat negara-negara Eropah dan Amerika Utara, masing-masing dalam penyatuan ekonomi dan kawasan perdagangan bebas mereka.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa negara-negara Asean dan Asia Timur perlu melihat diri mereka sendiri apabila berinteraksi dengan rantau lain supaya lebih mampu berdaya saing dan menjadi sebahagian daripada perdagangan dan pelaburan (global) dengan cara yang lebih bermakna," katanya.

Untuk melakukannya, kedua-dua pemimpin itu berkata negara-negara Asia Timur perlu menjadi lebih kukuh secara ekonomi.

Koizumi berkata Jepun, yang sentiasa menganggap dirinya sebagai rakan Asean dan kawan baik Malaysia, akan terus memainkan peranan dalam Asean.

Syed Hamid berkata Koizumi dan Dr Mahathir juga membincangkan mengenai kepentingan Jepun menggiatkan semula ekonominya supaya ia dapat membantu negara-negara Asean dengan lebih baik dan keperluan untuk meningkatkan semula ekonomi negara-negara Asia Timur secara amnya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata kedua-dua perdana menteri tidak membincangkan secara khusus mengenai kedudukan Jepun dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tetapi adalah difahamkan bahawa Jepun mahu menjadikan kehadirannya dirasai sebagai kuasa ekonomi dan pada masa yang sama mahu melihat Asia Timur dan rantau-rantau lain sebagai rakan pentingnya.

"Mereka (Jepun) mahu bukan hanya melakukan perkara bersama-sama tetapi bertindak bersama bagi membawa kemakmuran kepada rantau ini," kata Syed Hamid.

Mengenai hubungan Malaysia-Jepun, terutamanya dari segi bantuan kewangan, beliau berkata, "Perdana Menteri Koizumi telah memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus mendapat bantuan yen."

Pemimpin Jepun itu juga memuji dasar Pandang ke Timur Malaysia, yang mana beliau sifatkannya sebagai kejayaan dan satu simbol hubungan dua hala yang kukuh antara kedua-dua negara. -- BERNAMA

WNZ AD/MR SHY NHD AA